

Lawatan kedua Anwar ke Jepun bukti keakraban dua negara

Pelbagai program padat dirangka dalam lawatan kerja tiga hari

Tokyo: Lawatan kedua Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ke Jepun dalam tempoh enam bulan jelas menggambarkan hubungan yang menyeluruh dan penting terjalin selama 68 tahun di antara kedua-dua negara.

Duta Besar Malaysia ke Jepun, Datuk Shahril Effendi Abd Ghany, berkata walaupun lawatan itu singkat, padat dengan beberapa perjumpaan bersama penggubal dasar dan kapten industri, memandangkan Perdana Menteri perlu kembali ke Malaysia pada hujung minggu.

Beliau berkata, Anwar dijadual

tiba di Tokyo semalam untuk lawatan kerja tiga hari, diiringi Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan; Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz; dan Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong.

Sebelum ini Perdana Menteri melakukan lawatan kerja selama lima hari ke Jepun pada Disember lalu.

Bercakap kepada media di sini semalam, Shahril berkata, Perdana Menteri akan berada di sini khusus bagi Persidangan Antarabangsa Mengenai Masa Depan Asia ke-29 (Persidangan Nikkei), dan Anwar akan menjadi pemimpin pertama yang akan menyampaikan ucapan di persidangan itu hari ini.

Ucapan beliau akan berkisar

kepada tema Asian Leadership in an Uncertain World' yang menyentuh isu geopolitik dan Malaysia sebagai pengerusi ASEAN tahun depan.

Anwar turut dijadual mengadakan pertemuan dua hala dengan rakan sejawatannya Fumio Kishida hari ini, bagi membincangkan inisiatif mengukuhkan hubungan Malaysia-Jepun terutama yang berkaitan dengan teknologi tinggi; peralihan tenaga dan kerjasama alam sekitar; pertahanan dan keselamatan; pembinaan kapasiti dan pendidikan tinggi.

"Kedua-dua pemimpin itu juga akan berbincang mengenai isu-isu geopolitik dan serantau termasuk pembunuhan beramai-ramai di Gaza, perang di Ukraine, isu Laut China Selatan dan Semenanjung Korea," kata



Shahril Effendi

Shahril Effendi.

Sebuah media tempatan melaporkan Kishida dan Anwar juga dijangka mengesahkan kerjasama mereka dalam mengukuhkan rartaian bekalan semikonduktor dalam pertemuan mereka.

Jalin pelbagai kerjasama

Laporan yang memetik sumber kerajaan itu berkata, kedua-dua pemimpin juga dijangka bersejutu untuk bekerjasama dalam pelbagai bidang, daripada penyahkarbonan, pendigitalan dan sistem komunikasi mudah alih 5G kepada keupayaan keselamatan siber.

Laporan itu juga berkata, Jepun berusaha untuk mengukuhkan hubungan dengan negara-negara sedang membangun, secara bersama dirujuk sebagai Global South, termasuk ASEAN yang akan dipengerusikan Malaysia tahun depan.

Anwar turut dijadualkan menghadiri dua sesi pertemuan dengan ketua syarikat di Jepun.

Antara syarikat yang dijadualkan hadir ialah Mitsubishi Corporation, Tokyo Gas, Tokuyama Corporation, Eneos Holding dan IHI Corporation.

Satu lagi program yang pastinya mendapat perhatian dalam lawatan Anwar ialah ucapan beliau sempena memperingati mendiang Prof Toshihiko Izutsu di Universiti Keio, Tokyo.

Izutsu ialah seorang sarjana Jepun yang mengkhusus dalam pengajian Islam dan perbandingan agama, dan turut dikenali sebagai penterjemah pertama dan terbaik al-Quran ke dalam bahasa Jepun.

Turut menjadi perhatian interaksi perdana menteri dengan media Jepun dan antarabangsa dalam majlis dialog di Japan National Press Club.

Perdana Menteri dijadual berlepas kembali ke ibu negara selepas menunaikan solat Jumaat di Tokyo Camii Mosque, masjid terbesar di Tokyo.

BERNAMA